

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 27/6 / 2008

Tun Mahathir mahu tribunal khas siasat Hakim Chin

KUALA LUMPUR 26 Jun - Tun Dr. Mahathir Mohamed mempersoalkan tindakan kerajaan yang sehingga kini belum menubuhkan tribunal khas bagi menyiasat salah laku yang dikatakan dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi Sibu, Datuk Ian Chin Hong Chong.

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa, Hakim Ian Chin secara jelas melanggar etika kehakiman pada tahun 1999 ketika mengendalikan kes di Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu membabitkan Syarikat Banita, milik ahli perniagaan terkenal, Datuk Syed Kechik Syed Mohamed dan syarikat Zara Sdn. Bhd.

"Ketika mengendalikan kes-kes itu, Ian Chin tidak memberitahu mahkamah mengenai bapanya, Chin Fah Kee dan saudara lelakinya, Chin Kon Siong pernah ditahan

polis, masing-masing pada tahun 1969 dan 1974.

"Penahanan kedua-dua ahli keluarga beliau itu berlaku ketika Datuk Syed Kechik menjadi penasihat kepada bekas Ketua Menteri Sabah, Tun Mustapha Harun," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Justeru Dr. Mahathir mendakwa, pada 25 Mac 2008, Mahkamah Persekutuan mendapati Hakim Ian Chin telah bersikap prejudis semasa membuat pengadilkan kes berkenaan.

Berkenaan dakwaan itu, beliau turut mengedarkan tiga salinan laporan polis yang berlainan mengenai salah laku oleh Hakim Ian Chin.

Katanya, tindakan mendedahkan laporan-laporan ini dibuat bagi menunjukkan kredibiliti Hakim Ian Chin yang baru-baru

ini mendakwa, para hakim berhadapan dengan ugutan pecat jika membuat keputusan tidak menyebelahi kerajaan semasa era pemerintahan beliau.

"Banyak lagi laporan berkenaan Ian Chin yang ada pada saya tetapi saya tidak boleh mengedarkan kesemuanya kerana jumlah yang terlalu banyak.

"Saya juga tidak ingat pernah mencadangkan beliau sebagai hakim kerana secara jelas ia merupakan satu perkara yang memalukan buat profesion perundangan dan kehakiman," tegasnya.

Pada 11 Jun lalu, Hakim Ian Chin mendedahkan Dr. Mahathir dikatakan pernah mengugut akan menggunakan tribunal khas untuk menyingkirkan hakim yang membuat keputusan tidak menyebelahi kerajaan ketika satu persidangan hakim pada 1997.

UM-27/6/2008